



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 [AKTA 171]

**UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN
TEMPATAN (IKLAN PILIHAN RAYA)
MAJLIS DAERAH KUALA MUDA 1990**

K. P.U. 16.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN
(IKLAN PILIHANRAYA)

MAJLIS DAERAH KUALA MUDA 1990

PENETAPAN TARIKH MULA BERKUATKUASA
DI BAWAH SEKSYEN 103

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan dan menetapkan 10 Oktober 1990 sebagai tarikh mula berkuatkuasa Undang-undang Kecil tersebut.

Akta 171. Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kuala Muda membuat dan berikutan dengan seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian. 1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Kuala Muda) 1990.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Daerah Kuala Muda sahaja.

Tafsiran. 2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"hari mengundi" berhubung dengan sesuatu pilihanraya, ertinya hari yang ditentukan dalam writ bagi pilihanraya itu untuk pengundian dilakukan;

"iklan pilihanraya" ertinya apa-apa bendera, mural, panji-panji, cogan kata, poster atau label yang dipamerkan sebagai atau bagi maksud diayah politik;

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kuala Muda;

"parti politik" mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Pertubuhan 1966;

"permit" ertinya permit untuk mempamerkan iklan pilihanraya yang dikeluarkan di bawah Undang-undang kecil 4;

"pilihanraya" ertinya suatu pilihanraya bagi memilih seorang ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri;

"writ" ertinya bagi pilihanraya yang dikeluarkan di bawah seksyen 12 Akta Pilihanraya 1958;

"Yang Dipertua" ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Muda dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Larangan ke atas pameran iklan pilihanraya.

3. Tiada seorang pun boleh mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan pilihanraya di mana-mana lebuah atau tempat kecuali di bawah dan mengikut permit yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

4. (1) Sesuatu permohonan untuk permit bagi mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua - Permohonan untuk permit.

- (a) oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam kawasan berkenaan; atau
- (b) jika orang yang akan bertanding dalam pilihanraya itu tidak mempunyai gabungan politik, oleh orang itu sendiri atau wakilnya.

(2) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat di dalam bentuk yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama berikut.

(3) Apabila menerima permohonan itu, Yang Dipertua hendaklah, atas pembayaran jumlah wang sebanyak lima puluh ringgit sebagai deposit bagi pematuan syarat-syarat permit dan peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini, mengeluarkan kepada pemohon s u a t u permit bagi mempamerkan iklan pilihanraya dalam kawasan-kawasan yang dinyatakan di dalam permit. Permit hendaklah di dalam bentuk yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua berikut tertakluk kepada perenggan (4).

(4) Yang Dipertua boleh melampirkan, pada mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah perenggan (3) apa-apa syarat lain yang difikirkan patut dikenakan dari semasa ke semasa.

(5) Setiap permit yang dikeluarkan akan dikenakan bayaran lima puluh ringgit.

(6) Pemegang permit hendaklah mematuhi segala syarat yang di lampirkan pada permit itu.

5. Suatu permit yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil 4 hendaklah di dalam bentuk yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua atau di dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan hendaklah habis tempohnya pada hari yang berikutan hari mengundi.

Bentuk dan jangka masa permit.

6. Yang Dipertua hendaklah menyebabkan disimpan dan diselenggarakan dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditentukannya, suatu daftar bagi segala permit yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil 4.

Daftar permit.

7. Tiap-tiap pemegang permit hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas hari mengundi, mengalihkan segala iklan pilihanraya yang dipamerkan, dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan olehnya.

Pengalihan iklan pilihanraya selepas hari mengundi.

8. (1) Yang Dipertua boleh mengalihkan apa-apa iklan pilihanraya atau apa-apa papan tanda atau struktur lain yang didirikan bagi maksud mempamerkan iklan pilihanraya itu jika -

Pengalihan iklan pilihanraya oleh Yang Dipertua.

- (a) pemegang permit gagal mematuhi kehendak-kehendak Undang-undang Kecil 7; atau
- (b) dia berpuas hati bahawa iklan pilihanraya itu dipamerkan tanpa permit.

① Repost
RM 50/-
- pamer
- dalam PIR

② Setiap
permit
RM 50/-

- after 14 days

(2) Segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Yang Dipertua dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Yang Dipertua oleh pemegang permit atau, jika iklan pilihanraya itu dipamerkan tanpa permit, oleh orang yang menyebabkan iklan pilihanraya itu dipamerkan sedemikian, dan bolehlah didapatkan kembali dalam mahkamah dengan sewajarnya.

Perlucutan
hakan
deposit.

9. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain dalam Undang-undang Kecil ini, jika—

- (a) terdapat suatu pelanggaran apa-apa syarat permit; atau
- (b) terdapat apa-apa pelanggaran atau ketakpatuhan mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini,

Yang Dipertua hendaklah melucuthakkan deposit yang dibayar di bawah Undang-undang Kecil 4 jika, selepas memberikan pemegang permit suatu peluang untuk didengar, dia gagal memuaskan hati Yang Dipertua tentang kenapa deposit itu tidak sepatutnya dilucuthakkan.

(2) Apa-apa deposit yang tidak dilucuthakkan di bawah perenggan (1) hendaklah dikembalikan kepada pemegang permit tanpa apa-apa faedah selepas empat belas hari dari masa habis tempoh permit itu.

Cara mem-
pamerkan
iklan
pilihanraya.

10. (1) Suatu iklan pilihanraya hendaklah dipamerkan mengikut mana-mana cara yang berikut sahaja:

- (a) dengan melekatkannya pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit;
- (b) dengan menggantungkan iklan pilihanraya itu disepanjang mana-mana lebuh, pada pancang-pancang yang didirikan oleh pemegang permit;
- (c) dengan menanam penompok iklan pilihanraya itu ke dalam mana-mana paras tanah selain daripada laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima; atau
- (d) dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Dipertua dalam permit.

Larangan
terhadap
mempamer-
kan iklan
pilihanraya
di tempat-
tempat
tercenu.

11. Walau apapun apa-apa peruntukan lain dalam Undang-undang Kecil ini, tiada seorang pun boleh—

- (a) mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya atau membina atau mendirikan apa-apa papan tanda atau struktur lain mengikut apa-apa cara sehinggakan ia meliputi atau melindungi apa-apa isyarat lalulintas, tanda arahan atau lampu perhiasan;
- (b) mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya atas atau merintanggi mana-mana lebuh; atau
- (c) mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya pada mana-mana bangunan awam atau struktur lain dengan menggunakan paku, gam, atau pelekat lain, atau dengan apa-apa cara lain yang akan merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu.

12. (1) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini. Kesalahan dan penalti am.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (IKLAN PILIHANRAYA)

MAJLIS DAERAH KUALA MUDA 1990

JADUAL PERTAMA

BORANG PERMOHONAN [Undang-undang Kecil 4(2)]

Yang Dipertua
Majlis Daerah
Kuala Muda
Tuan,

*Kami
(Nama penuh parti politik dengan huruf besar)

beralamat/

saya (orang yang tiada gabungan dengan mana-mana parti politik atau
wakilnya)
(Nama penuh dengan huruf besar)

No. K.P. beralamat

memohon untuk mendapatkan permit untuk mempamerkan iklan
pilihanraya di bawah Undang-undang Kecil 4 Undang-undang Kecil
Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Kuala Muda)
1990.

2. *Kami/Saya lampirkan wang sebanyak lima puluh ringgit sebagai
deposit dan wang sebanyak lima puluh ringgit sebagai pembayaran permit
bagi pematuhan syarat-syarat permit dan peruntukan Undang-undang
Kecil tersebut.

Tarikh:
Tandatangan Pemohon
(Pemohon-pemohon)

*Potong yang tidak berkenaan

UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN
(IKLAN PILIHANRAYA)

MAJLIS DAERAH KUALA MUDA 1990

JADUAL KEDUA

PERMIT IKLAN PILIHANRAYA
[Undang-undang Kecil 4(3)]

Permit No: Rujukan Fail:

Nama:

Alamat:

adalah dibenarkan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Muda, untuk mempamerkan iklan pilihanraya/iklan-iklan pilihanraya di kawasan-kawasan berikut (sebutkan kawasan-kawasan pilihanraya):

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)

Permit ini adalah berkuatkuasa sehingga hari yang berikutan hari mengundi, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Membayar sejumlah lima puluh ringgit sebagai deposit bagi pematuhan syarat-syarat permit dan peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Kuala Muda) 1990.
- (2) Membayar lima puluh ringgit untuk permit yang dikeluarkan.
- (3) Larangan mempamer iklan-iklan pilihanraya dengan paku atau gam atau pelekat lain pada papan-papan tanda jalan, tiang-tiang papan tanda, isyarat-isyarat lalulintas, tiang-tiang lampu jalan/lampu-lampu hiasan, jambatan-jambatan, jejantas-jejantas, jejambat-jejambat pejalan kaki, dinding-dinding tembok penahan, tanda-tanda arahan, pagar- pagar/tembok-tembok keselamatan, dinding-dinding terowong/terowong-terowong pejalan kaki, pokok-pokok, pembahagi-pembahagi jalan, dinding-dinding luar bangunan, pondok-pondok bas/pondok-pondok teksi (termasuk bahagian luar atau dalam bumbung), tiang-tiang pondok, tempat-tempat duduk, tong-tong sampah, dinding-dinding kiosk, panel-panel iklan dan pondok-pondok telefon.
- (4) Larangan membina atau meletak iklan-iklan pilihanraya di laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima.
- (5) Larangan untuk menggantung iklan-iklan pilihanraya merintang mana-mana jalan atau lebu.
- (6) Iklan-iklan pilihanraya dipamerkan di kawasan-kawasan yang dinyatakan di dalam permit sahaja.
- (7) Segala iklan-iklan pilihanraya hendaklah dialihkan dalam masa 14 hari selepas hari mengundi.

Permit ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Kecil 4(4) Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Kuala Muda) 1990 di mana Yang Dipertua diberi kuasa untuk menegakan syarat-syarat lain yang difikirkan patut dikenakan dari semasa ke semasa.

Yang Dipertua diberi kuasa untuk menentukan bentuk permit ini berdasarkan Undang-undang Kecil 5 Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Daerah Kuala Muda) 1990.

Bertarikh pada haribulan 1990/1991/1992.

*Yang Dipertua,
Majlis Daerah
Kuala Muda*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976 (Act 171)

LOCAL GOVERNMENT (ELECTION ADVERTISEMENT)

DISTRICT COUNCIL OF KUALA MUDA BY-LAWS 1990

APPOINTMENT DATE OF COMMENCEMENT UNDER SECTION 103

In exercise of the powers conferred under section 103 of the Local Government Act 1976, the State Authority confirms and appoints 10th October 1990 as the date this By-Laws come into force.

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the District Council of Kuala Muda makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following By-Laws:

1. (1) These By-laws may be cited as the Local Government (Election Advertisement) (District Council of Kuala Muda) By-Laws 1990.

Citation and application.

(2) These By-laws shall apply only to the District Council of Kuala Muda area.

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

Interpretation.

"Council" means District Council of Kuala Muda;

"election" means an election of a member to the Dewan Rakyat or the State Legislative Assembly;

"election advertisement" means any flag, ensign, banner, standard, slogan, poster or label exhibited as for the purpose of political propaganda;

"permit" means a permit to exhibit election advertisements issued under by-law 4;

"political party" has the same meaning as in the Societies Act 1966;

"polling day" in relation to an election, means the day appointed in the writ for that election for the polling to take place;

"President" means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of President of District Council of Kuala Muda and shall include the Deputy President;

"writ" means a writ for an election issued under section 12 of the Elections Act 1958.

Prohibition
on exhibition
of election
advertisement.

3. No person shall exhibit or cause to be exhibited any election advertisement in any street or place except under and in accordance with a permit issued by the President.

Application
for permit.

4. (1) An application for a permit to exhibit any election advertisement shall be made to the President:

(a) by the political party which desires to fill the candidate in the relevant constituency; or

(b) where the person seeking to contest the election has no political affiliation, by the person himself or his representative.

(2) An application under paragraph (1) shall be made in the form as specified in the First Schedule hereto.

(3) On receipt of the application, the President shall, upon payment of a sum of fifty ringgit as deposit for the observance of the conditions of the permit and the provisions of these By-Laws, issue to the applicant a permit to exhibit election advertisement in the areas specified in the permit. The permit shall be in the form as specified in the Second Schedule hereto subject to paragraph (4).

(4) The President may attach to any permit issued under paragraph (3) such other conditions as he may think fit to impose from time to time.

(5) Every permit that is being issued will be levied with a payment of a sum of fifty ringgit.

(6) The permit holder shall comply with all the conditions attached to the permit.

Form and
duration of
permit.

5. A permit issued under By Law 4 shall be in the form as specified in the Second Schedule or in such form as the President may determine and shall expire on the day next following the polling day.

Register of
permit.

6. The President shall cause to be kept and maintained in such form and manner as he may determine, a register of all permits issued under By-Law

4.

7. Every permit holder shall, within fourteen days after the polling day, remove all election advertisements exhibited, and all bill boards or other structures erected, by him.

Removal of election advertisement after polling day.

8. (1) The President may remove any election advertisement or any bill board or other structure erected for the purpose of exhibiting such election advertisement if—

Removal of election advertisement by the President.

(a) the permit holder fails to comply with the requirements of By-Law 7; or

(b) he is satisfied that such election advertisement is exhibited without a permit.

(2) All expenses incurred by the President in carrying out the powers conferred by paragraph (1) shall be deemed to be a debt due to the President from the permit holder or, where the election advertisement is exhibited without a permit, from the person who cause the election advertisement to be so exhibited, and shall be recoverable accordingly in a court.

9. (1) Without prejudice to the other provisions of these By-Laws, where—

Forfeiture of deposit.

(a) there is a breach of any condition of the permit; or

(b) there is any contravention of or non-compliance with any of the provisions of these By-laws,

the President shall forfeit the deposit paid under By-Law 4 if, after giving the permit holder an opportunity of being heard, he failed to satisfy the President as to why the same should not be forfeited.

(2) Any deposit which is not forfeited under paragraph (1) shall be refunded to the permit holder without any interest after fourteen days from the expiry of the permit.

10. An election advertisement shall only be exhibited in any of the following manner:

Manner of exhibiting election advertisement.

(a) by affixing it on a bill board or other structure erected or placed by the permit holder;

(b) by hanging it along any street, on poles erected by the permit holder;

(c) by planting the support of the election advertisement into any ground other than paved footway or pavement; or

(d) by such other manner as the President may specify in the permit.

11. Notwithstanding any other provision in these By-Laws, no person shall—

Prohibition against

exhibiting an election advertisement in certain places.

- (a) exhibit any election advertisement or construct or erect any bill board or other structure in such manner that it covers or conceals any traffic sign, directive sign or decorative light;
- (b) exhibit any election advertisement on or across any street; or
- (c) exhibit any election advertisement on any public building or other structure by means of any nail, gum or other adhesives, or by any other means that will damage or disfigure the surface of such building or structures.

Offences and general penalty.

12. (1) Any person who contravenes or fails to comply with any provisions of these By-Laws shall be guilty of an offence under these By-laws.

(2) Any person guilty of an offence under these By-laws shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit.

LOCAL GOVERNMENT (ELECTION ADVERTISEMENT)

DISTRICT COUNCIL OF KUALA MUDA BY-LAWS 1990

FIRST SCHEDULE

APPLICATION FORM

[By-Laws 4(2)]

President of District Council of Kuala Muda

Sir,

We

(Full name of political party with capital letters)

address

I (person who has no affiliation with any political party or his representa-

tive).

(Full name with capital letters)

I.C.No:

address

apply for a permit to exhibit election advertisement under By-Laws 4 Local Government (Election Advertisement) (District Council of Kuala Muda) By-Laws 1990.

2. * We/I enclose a sum of fifty ringgit as deposit and a sum of fifty ringgit as payment for the permit for the observance of conditions of the permit and the provisions of these By-Laws.

Date:

Signature of Applicant(s)

* Delete whichever is inapplicable

LOCAL GOVERNMENT (ELECTION ADVERTISEMENT)

DISTRICT COUNCIL OF KUALA MUDA
BY-LAWS 1990

SECOND SCHEDULE

ELECTION ADVERTISEMENT PERMIT
[By-Laws 4(3)]

Permit No: File Reference:

Name:

Address:

approved by President of District Council of Kuala Muda to exhibit the election advertisement/election advertisements in the following areas (state the election areas):

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)

This permit shall come into effect until the day next following the polling day, subject to the following conditions:

- (1) To pay a sum of fifty ringgit as deposit for observance of the conditions of the permit and the provisions of the Local Government (Election Advertisement) (District Council of Kuala Muda) By-Laws 1990.
- (2) To pay a sum of fifty ringgit for the issuance of the permit.

- (3) Prohibition to exhibit election advertisements by using nail or gum or other adhesives at road bill boards, bill board stands, traffic signs, street light stands/decorative lights, bridges, viaducts, pedestrian fly-overs, protection walls, sign boards, fences/security walls, tunnel walls/pedestrian tunnels, trees, road dividers, external walls of building, bus stands/taxi stands (including external or internal roof), hut posts, sitting places, rubbish bins, kiosk walls, advertisement panels and telephone booths.
- (4) Prohibition to build or to put election advertisements at pavement or paved five foot way.
- (5) Prohibition to hang the election advertisements across any road or street.
- (6) To exhibit election advertisements in the area stated in the permit only.
- (7) All the election advertisements shall be removed within 14 days after the polling day.

This permit is issued subject to By-Laws 4(4) Local Government (Election Advertisement) (District Council of Kuala Muda) By-Laws 1990 wherein the President is empowered to impose other conditions as he may think fit from time to time.

The President is empowered to decide the form of this permit by virtue of By-laws 5 Local Government (Election Advertisement) (District Council of Kuala Muda) By-Laws 1990.

Dated this day of 19

*President of
District Council of
Kuala Muda*

Bertarikh pada 10 Oktober 1990 bersamaan dengan 21 Rabiulawal 1411.
[PSU (K) Sulit 3-1411, PUN (K) 25/90.]

MILAT BEN SHAARI,
*Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Kedah Darulaman*